

Dr Mahathir nafi Israel tidak tahu lawatan ke Tebing Barat

BH - 24/5/2005 : 7

Oleh Hasnira Hassan

MELAKA: Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan dakwaan Israel bahawa negara itu tidak mengetahui kedatangan serta tidak pernah menerima sebarang permohonan mengenai lawatannya ke Tebing Barat, minggu lalu.

Sebaliknya, beliau berkata, Israel sudah dimaklumkan dua minggu lebih awal mengenai kedatangannya bagi memenuhi tawaran Majlis Perbandaran Jenin untuk mengetuai kempen antarabangsa bagi pembangunan semula kawasan berkenaan.

Beliau berkata, Israel bukan saja menduduki, sebaliknya menguasai Palestin serta menguruskan semua kawasan pelawat.

"Mereka sudah diberitahu dua minggu lebih awal. Mossad (Ejen

Risikan Israel) juga cukup baik dan tahu segalanya," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai tindakan Israel yang dilaporkan menghalangnya memasuki kawasan Baitulmaqdis ketika melawat Tebing Barat, minggu lalu.

Dr Mahathir berkata, ketika di lintasan Allenby di Jordan, pegawai Israel di situ sengaja melengahkan perjalanannya dan mengambil masa sehingga dua setengah jam bagi menguruskan dokumennya, sedangkan ketika itu beliau perlu pulang pada jam 6 petang.

Selepas gagal memasuki bandar Jenin, beliau berhasrat ke Baitulmaqdis untuk menunaikan solat di Masjid al-Aqsa, tetapi sebaik tiba di Ramallah, pihaknya dimaklumkan mengenai masalah keselamatan pada saat akhir.


"Mereka sebenarnya sengaja

menghalang saya kerana tidak mahu saya tengok kemusnahan dan kekejaman mereka terbongkar.

"Mereka kejam, tidak berperikemanusiaan dan sombong. Mereka meroboh rumah yang berpenghuni menggunakan jentolak. Semua tanah kosong mereka ambil sehinggakan rakyat Palestin tidak tahu di mana hendak tinggal," katanya.

Terdahulu Dr Mahathir menyampaikan ucapan bertajuk 'Peranan Strategik Malaysia dalam Pengurusan ICT bagi Merealisasikan Wawasan 2020' dalam Persidangan Antarabangsa Mengenai Pengurusan ICT 2005, di sini semalam.

Persidangan selama tiga hari anjuran Fakulti Undang-Undang dan Perniagaan, Universiti Multimedia itu dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, semalam.



DR MAHATHIR menceritakan kesulitan beliau ketika lawatan ke Palestin selepas berucap pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Pengurusan ICT 2005 di Melaka, semalam. - Gambar oleh Nashairi Mohd Nawi